

Kompleks Persekutuan simbol dekatkan rakyat

UM 26 MAR 2001

KOTA KINABALU 25 Mac
— Perdana Menteri berka-
ta, pembinaan kompleks
pentadbiran Persekutuan
Sabah yang bercirikan
seni bina kompleks pen-
tadbiran Kerajaan Perse-
kutuan di Putrajaya ada-
lah sebagai simbol untuk
mendekatkan lagi rakyat
Sabah dengan penduduk
Semenanjung.

Menurut Datuk Seri Dr.
Mahathir Mohamad, pem-
binaan kompleks yang di-
lengkapi dengan ciri-ciri
kerajaan elektronik itu
akan turut menjadi pe-
mangkin kepada pemba-
ngunan negeri terutama
yang berkaitan dengan pe-
nyaluran projek dari Kera-
jaan Persekutuan.

“Terdapat lebih banyak
perubahan pembangunan
yang ketara di negeri ini
berikutan kerajaan Baris-
an Nasional (BN) kembali
berkuasa di Sabah,” tegas-
nya.

Beliau menyatakan de-
mikian ketika berucap
pada majlis peletakan
batu asas kompleks pen-
tadbiran Persekutuan Sa-
bah dalam kawasan seluas
8.8 hektar bersebelahan
Universiti Malaysia Sabah
(UM) di Likas, dekat sini,
hari ini.

Kepentingan

Fasa pertama kompleks
itu meliputi Jabatan Pem-
bangunan Persekutuan,
Jabatan Pendaftaran Ne-
gara dan Imigresen mene-
lan kos RM100 juta dan
pembinaannya akan ber-
mula pada Mei ini. Ia
dijangka siap dalam tem-
poh dua tahun akan da-
tang.

Hadir sama di majlis itu
adalah Datin Seri Dr. Siti
Hasmah Mohd. Ali, Ketua
Setiausaha Negara, Tan
Sri Samsuddin Osman,
Ketua Menteri Sabah, Da-
tuk Osu Sukam dan Setia-
usaha Persekutuan Sa-
bah, Datuk Alias Ahmad.

Menurut Dr. Mahathir,
dahulu semasa pembang-
kang memerintah Sabah,
bukan tiada projek pemba-
ngunan disalurkan, tetapi
projek itu dipolitikkan un-
tuk mengabui mata rakyat
mengatakan walaupun
mereka memerintah, pem-
bangunan terus berjalan.

“Jadi kita rasa tidak
senang apabila Kerajaan
Persekutuan menyalur-
kan projek ke Sabah keti-
ka itu, tetapi pembangk-
ng telah mempolitikkan
nya untuk kepentingan
mereka,” ujarinya.

Tegas beliau, kini kera-
jaan akan memperhebat-
kan pembangunan mem-
buktikan BN serius untuk
memajukan Sabah teruta-
ma bagi mengatasi ke-
munduran ketika diperin-
tah oleh pembangkang da-
hulu.